

DR. MAHATHIR JAWAB SURAT TERBUKA DOKTOR₂ ISLAM

UM 10 AUG 1991

Saudara Pengarang:

IZINKAN saya melalui akhbar saudara memberi jawapan kepada surat terbuka Doktor - Doktor Islam kepada saya yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 27 Julai 1991.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM) yang telah menulis surat kepada saya berkenaan dengan cadangan kerajaan membenarkan doktor - doktor asing membuka klinik persendirian di negara ini. Saya bersyukur kerana PPIM tidak membuat tuduhan bahawa kerajaan berniat buruk. Ini menunjukkan pegangan PPIM yang kuat kepada ajaran Islam, alhamdulillah.

Sebagai seorang Islam dan seorang doktor yang berpeluang memimpin kerajaan, saya ingin secara ikhlas menerangkan sebab - sebabnya kerajaan bercadang membenarkan doktor asing membuka klinik persendirian di negara kita.

Pada suatu masa dahulu negeri - negeri Melayu tidak mempunyai doktor perubatan anak watan sama sekali. Semua doktor diambil dari India untuk bekerja dengan kerajaan - kerajaan negeri. Apabila mereka bersara mereka dibenarkan membuka klinik sendiri, bahkan tinggal tetap di negeri - negeri Melayu. Sedikit - sebanyak mereka telah menolong mengisi keperluan penduduk untuk kemudahan perubatan semasa doktor tempatan hampir tidak ada.

Semasa kemelesetan dunia pada dekad dua puluhan, ramai daripada doktor - doktor ini dibuang kerja dan mereka terpaksa membuka klinik sendiri dan mendapat pendapatan yang amat rendah.

Selepas kita merdeka hasrat kerajaan ialah supaya hanya warganegara Malaysia sahaja yang boleh berkhidmat dengan kerajaan. Pada tahun - tahun awalan merdeka, peluang mendapat pendapatan yang lumayan sebagai

setinggi ini, apakah lain - lain anggota kerajaan tidak akan meminta kenaikan gaji yang sama supaya jurang di antara pegawai PTD, jurutera, arkitek, profesor dan pensyarah serta lain - lain kumpulan profesional tidak menjadi terlalu besar berbanding dengan pegawai perubatan. Jika mereka yang memegang jawatan tinggi dinaikkan gaji 300%, perbezaan di antara gaji mereka dengan kakitangan lain akan menjadi terlalu ketara. Sudah tentu kakitangan lain ini tidak akan puas hati jika gaji mereka tidak dinaikkan ke paras yang sama.

Hari ini jika skim gaji diusik sedikit, tuntutan yang akan datang bertalu - talu. Demikian apabila gaji guru dinaikkan kerana disusun ke dalam dua skim, tuntutan dibuat oleh semua

rajaan setelah kenaikan gaji dengan doktor swasta akan kembali ke tahap yang lama. Dan sekali lagi kita terpaksa menghadapi masalah kekurangan doktor kerajaan.

Kajian ekonomi menunjukkan bahawa harga sesuatu tertakluk kepada bekalan dan permintaan. Jika bekalan lebih, maka harga akan turun. Jika permintaan lebih, maka harga akan naik.

Asas masalah yang kita hadapi ialah kekurangan doktor dalam masyarakat yang semakin mewah. Kita boleh tingkatkan pengeluaran doktor dengan menambah tempat dalam universiti dan melebihi bilangan biasiswa luar negeri. Tetapi bilangan penuntut kita, terutama daripada orang Islam, yang sanggup memasuki jurusan ini tidak ramai. Yang ingin pun dihalang oleh orang - orang tertentu.

Hakikatnya ialah walaupun kita menambah tempat dan menawar lebih banyak biasiswa, kita akan kekurangan penuntut yang layak, terutamanya daripada kalangan penuntut Islam. Dan orang Islam sekarang lebih memilih daripada dahulu.

Sementara itu permintaan untuk khidmat perubatan meningkat lagi.

Untuk menambah bilangan doktor, kita terpaksa membenarkan doktor asing bekerja di sini. Mereka sudahpun bekerja dengan kerajaan. Oleh itu, bukanlah sesuatu yang aneh jika kita membenarkan doktor asing membuka klinik sendiri atau bekerja dengan swasta bagi mengatasi masalah kekurangan doktor ini.

Jika terdapat banyak klinik doktor swasta, persaingan hebat akan berlaku dan kenaikan bayaran dapat dikawal. Jika pendapatan doktor swasta tidak terlalu tinggi, maka tarikan swasta kepada doktor kerajaan akan berkurangan. Maka dapatlah kerajaan menyediakan perkhidmatan perubatan yang berpatutan kepada rakyat, terutamanya kepada mereka

doktor swasta tidak begitu baik. Justeru itu, semua rakyat Malaysia yang lulus dalam bidang perubatan menganggap peluang berkhidmat dengan kerajaan ini sebagai satu hak dan nikmat.

Tetapi bilangan mereka tidak mencukupi dan kita terpaksa menjemput doktor - doktor dari Burma, Mesir, Korea Selatan, Indonesia, India, Pakistan dan lain - lain negara untuk berkhidmat dengan kerajaan. Hasrat kita ialah apabila kita dapat melatih lebih ramai rakyat Malaysia dalam bidang perubatan, doktor - doktor asing ini akan dihantar balik. Mereka tidak akan dibenarkan membuka klinik swasta atau bekerja dengan swasta.

Oleh kerana sebab - sebab tertentu negara Malaysia menjadi makmur dan ramai rakyat mampu membayar bayaran yang tinggi kepada doktor swasta. Semakin kaya negara semakin tinggi pendapatan doktor swasta. Hari ini pendapatan mereka meningkat kepada 400% hingga 500% lebih tinggi daripada gaji rakan yang berkelulusan yang sama yang berkhidmat dengan kerajaan.

Sementara pesakit yang berada dapat menggunakan khidmat doktor swasta, yang miskin terpaksa terus mendapatkan rawatan di hospital kerajaan. Keperluan untuk doktor kerajaan tidak berkurangan, sebaliknya bertambah. Malangnya semakin ramai doktor kerajaan meninggalkan kerajaan untuk peluang - peluang yang lebih baik di luar kerajaan.

Apakah yang boleh dibuat oleh kerajaan? Mungkin kita boleh mengisi semua jawatan doktor kerajaan yang kosong dengan doktor asing? Jika ini diteruskan, satu hari nanti semua doktor kerajaan, termasuk yang menadbir, akan terdiri daripada doktor asing. Apakah rakyat Malaysia sanggup keadaan ini berlaku? Jika rakyat sanggup, kerajaan yang dipilih oleh rakyat akan melakukannya. Tetapi rakyat lebih senang dengan doktor tempatan.

Yang kedua ialah kita naikkan gaji dan elaun doktor - doktor kerajaan. Dapatkah kerajaan menaikkan gaji doktor - doktor kerajaan sehingga setanding dengan doktor - doktor swasta - iaitu sekurang - kurangnya 300% lebih tinggi daripada gaji mereka sekarang? Jika gaji doktor - doktor dinaikkan

kategori kakitangan kerajaan supaya mereka juga menikmati susunan skim yang sama. Sementara itu, masyarakat guru masih tidak puas hati.

Sudah tentu jika gaji doktor dinaikkan supaya tidak jauh berbeza daripada pendapatan doktor swasta, kerajaan akan dibanjiri dengan tuntutan - tuntutan kenaikan gaji daripada lain - lain kakitangan kerajaan. Jika tuntutan - tuntutan ini dilayan, bilangan gaji kerajaan akan meningkat berganda - ganda sedangkan pendapatan kerajaan tidak bertambah.

Bagi tahun 1990 tanggungan Kerajaan Persekutuan bagi gaji (*emolumen*) serta pencen sektor awam ialah sebanyak \$10,200 juta. Sekiranya jumlah ini digandakan 300%, jumlahnya ialah \$30,600 juta. Hasil yang dijangka diperolehi bagi tahun 1990 ialah hanya sebanyak \$27,219 juta. Ini bermakna jika semua hasil kerajaan digunakan untuk membayar gaji dan pencen kerajaan masih dikehendaki berhutang \$3,000 juta.

Nilai ekonomi

Sepertimana kita semua tahu baki \$17,000 juta selepas bayaran gaji 1990 tidak pun mencukupi untuk membayar hutang negara, belanja pembangunan dan bantuan kepada yang miskin termasuk biasiswa dan pembayaran institusi - institusi pelajaran yang bertujuan untuk meningkatkan nilai ekonomi mereka yang berpeluang menuntut. Jika semua hasil digunakan untuk membayar gaji maka pembangunan dan bayaran hutang terpaksa dihentikan.

Tetapi masalah ini tidak juga hilang dengan kenaikan gaji semua kakitangan kerajaan 300%. Apa akan terjadi apabila doktor swasta menaikkan bayaran mereka? Sebagai seorang yang biasa mengadakan klinik sendiri, saya tahu bahawa pendapatan saya yang sebanyak \$3,000 sebulan pada masa itu boleh dinaikkan kepada \$6,000 hanya dengan menaikkan bayaran sebanyak \$1 seorang.

Klinik swasta yang besar tetap akan menaikan gaji yang lebih tinggi untuk memujuk doktor kerajaan berhenti dan bekerja dengan mereka. Dalam jangka masa yang singkat perbezaan pendapatan di antara doktor ke-

yang kurang mampu.

Doktor asing yang memohon untuk membuka klinik di Malaysia akan dikenakan syarat - syarat tertentu. Mereka mungkin dikehendaki membuka klinik di bandar - bandar kecil mengenakan bayaran yang berpatutan dan lain - lain lagi. Oleh kerana banyak negara di mana pendapatan doktor swasta jauh lebih rendah daripada di Malaysia, maka akan ada yang ingin datang ke Malaysia walaupun tidak dapat menjadi warganegara.

Bagi pakar juga, jika perlu kita boleh membenarkan mereka membuka klinik di sini. Hari ini beribu pesakit yang tidak mampu ke luar negeri menunggu giliran untuk pembedahan jantung. Mungkin ramai yang akan meninggal dunia sebelum sempat dibedah, sedangkan nyawa mereka boleh diselamatkan dengan pembedahan.

Sanggupkah kita, Islam atau bukan Islam, membiar mereka menghadapi kemungkinan ini hanya kerana kita ingin melindungi pendapatan tinggi bagi doktor dan pakar kita?

Hari ini kita juga kekurangan jururawat. Satu daripada sebabnya ialah gaji yang berkali ganda yang ditawarkan oleh negara - negara tertentu. Ada juga yang dihalang daripada bekerja sebagai jururawat oleh orang tertentu.

Akhirnya, kita terpaksa membenarkan jururawat asing bekerja dengan swasta untuk mengelakkan jururawat kerajaan berpindah ke klinik swasta. Kaedahnya samalah juga dengan doktor - doktor yang tertarik dengan pendapatan di bidang swasta.

Kerajaan tidak berniat buruk terhadap sesiapa. Kerajaan bertanggungjawab terhadap keperluan rakyat. Kita telah berjanji untuk memberi khidmat kesihatan kepada seluruh rakyat. Akan tidak bertanggungjawablah kerajaan jikalau kerajaan lebih mengutamakan pendapatan yang tinggi bagi satu kumpulan yang kecil dengan mendedahkan yang ramai kepada bahaya tidak mendapat rawatan yang diperlukan.

Perlindungan yang ada sekarang bagi doktor - doktor tempatan adalah difikirkan berpatutan. Bukanlah niat kerajaan untuk menghapuskan sama sekali perlindungan ini. Yang kita hendak usahakan hanyalah mengimbangkan perlindungan bagi doktor - doktor dengan perlindungan bagi rakyat yang lain.

— DR. MAHATHIR MOHAMAD.